



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"ISLAM DAN KEUSAHAWANAN"

10 Januari 2025 / 10 Rejab 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"ISLAM DAN KEUSAHAWANAN"

Firman Allah SWT, ayat 29 surah An-Nisa:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ۝٢٩﴾

Bermaksud: Wahai orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan (menggunakan) harta sesama kamu dengan cara yang salah (tipu, judi dan sebagainya) kecuali melalui perniagaan yang dilakukan atas dasar reda meredai (suka sama suka) antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh diri kamu sendiri! Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.

Keusahawanan ditakrifkan oleh Kamus Dewan sebagai segala yang berkaitan dengan kemahiran usahawan; merujuk kepada kegiatan merencana, mengelola, mencipta produk dan mengembang usaha mewujudkan perniagaan untuk menjana keuntungan.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Islam amat menggalakkan umatnya menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Rasulullah SAW dikenali sebagai seorang peniaga yang berjaya lagi bijaksana. Baginda membantu bapa saudaranya Abu Talib menjalankan kegiatan perniagaan dan menguruskan harta perniagaan isterinya Sayidatina Khadijah RA. Ramai dalam kalangan para sahabat merupakan usahawan dan peniaga yang berjaya seperti Saidina Abu Bakar RA, Saidina Uthman Bin Affan RA, Abdul Rahman Bin Auf RA, serta ramai lagi.

Perniagaan ialah sebahagian daripada pekerjaan murni. Jika dilaksanakan dengan jujur dan amanah akan membuahkan pendapatan yang halal dan dilimpahi keberkatan Ilahi. Rasulullah SAW memuji para peniaga yang jujur dan beramanah sepertimana sabda Baginda:

التَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ وَالصِّدِّيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ

Bermaksud: Peniaga yang jujur dan beramanah akan dihimpun bersama para Nabi, *siddiqin* (orang yang benar), para syuhada dan solihin. (Hadis Riwayat al Tirmizi)

Peniaga dan usahawan ialah seseorang yang melakukan kerja sendiri untuk mendapatkan pendapatan, bukannya pekerja yang dibayar upah atau dibayar gaji oleh majikan. Bekerja dengan usaha sendiri merupakan sebaik baik pekerjaan. Rasulullah SAW bersabda:

قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ قَالَ عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ

Bermaksud: Rasulullah SAW ditanya tentang apakah pekerjaan yang paling baik? Rasulullah SAW menjawab pekerjaan seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap perniagaan yang baik. (Hadis Riwayat Tabarani)

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi,

Dalam menjayakan program keusahawanan, mimbar mengutarakan beberapa perkara:

Pertama: Kesedaran dan minat masyarakat Islam terhadap perniagaan dan keusahawanan wajar dipupuk serta ditingkatkan. Umat Islam hendaklah disedarkan untuk mengusahakan tanah-tanah yang terbiar; mengenal pasti dan merebut peluang-peluang perniagaan dalam industri kecil dan sederhana, bidang-bidang hartanah dan perumahan,



pembuatan, pertanian, ternakan dan perikanan, makanan dan minuman, penginapan dan sewaan, pelancongan, kesihatan, pengangkutan, pakaian dan fesyen, perkhidmatan dan urus niaga atas talian. Perniagaan dan keusahawanan yang berdaya maju menatijahkan keuntungan serta pendapatan lumayan, yang membolehkan ummah bukan sahaja keluar daripada kelompok kemiskinan malah berupaya meletakkan ummah mencapai taraf masyarakat menengah atas dan masyarakat berpendapatan tinggi.

Kedua: Saling bantu membantu dalam mengukuhkan jaringan perniagaan sesama umat Islam. Usahawan dan syarikat perniagaan yang berjaya sewajarnya membantu usahawan dan peniaga yang baru menceburi bidang keusahawanan. Menjauhi sifat hasad dengki, adu domba, khianat, penipuan dan penyelewengan.

Ketiga: Senantiasa menambah pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan. Mempelajari ilmu pengurusan perniagaan, pengurusan risiko, penguasaan teknologi, perakaunan, kewangan, pemasaran, pengiklanan, jaringan perniagaan dan pelbagai lagi. Bersedia menghadiri kursus-kursus serta bertanya kepada mereka yang telah berjaya. Bijak merebut peluang yang ditawarkan oleh pelbagai agensi sama ada kerajaan atau swasta, di samping menjadi seorang pengusaha yang berdaya maju dan tidak mudah mengalah serta tidak putus asa.

Keempat: Islam sebagai agama yang menjadi rahmat ke seluruh alam, menggariskan beberapa nilai dan etika yang mesti dipatuhi. Jangan sama sekali seorang Muslim terlibat mengusahakan perniagaan yang haram seperti penjualan arak, penjualan barang-barang yang diseludup, perniagaan berbentuk judi, serta pusat-pusat hiburan yang menjalankan kegiatan bercanggah dengan hukum syarak. Janganlah seorang peniaga dan usahawan Muslim bersifat menipu, mengurangkan timbangan, memberi rasuah, melakukan sumpah palsu, menyeludup, menyembunyikan barangan dengan niat mahu mengaut keuntungan berganda. Seorang Muslim juga tidak seharusnya bersifat melampau apabila meletakkan harga, apatah lagi dengan sedar tidak menghiraukan kawalan harga yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. Seorang peniaga Muslim akan ikhlas dan telus mengisytiharkan keuntungan, jujur membayar cukai perniagaan daripada keuntungan, juga ikhlas menunaikan zakat. Seorang peniaga Muslim juga tidak akan dilalaikan dengan kesibukan perniagaan atau terlalu taksub mencari untung hingga alpa memenuhi tuntutan-tuntutan ibadah fardu ain yang diwajibkan seperti solat, puasa, zakat dan haji; Allah SWT berfirman dalam surah an Nur ayat 37:

﴿رِجَالٌ لَا تُلْهِهِمْ تِجَارَةٌ وَلَا بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ يَخَافُونَ يَوْمًا تَتَقَلَّبُ فِيهِ الْقُلُوبُ وَالْأَبْصَارُ﴾

Bermaksud: (Ibadah itu dilakukan oleh) orang yang tidak dilalaikan oleh perdagangan dan jual beli daripada mengingati Allah, mendirikan solat dan menunaikan zakat. Mereka takutkan hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan.

Kelima: Masjid, surau, madrasah, maahad tahfiz dan pelbagai institusi pendidikan dan agama berperanan dalam menjayakan aktiviti keusahawanan. Jadikan contoh ikutan, kejayaan yang dicapai oleh beberapa buah koperasi di beberapa buah masjid dan Maahad Tahfiz di negeri Perak. Melalui koperasi, banyak peluang perniagaan boleh dicetuskan dengan memberi keutamaan kepada produk yang halal lagi suci. Ummah mesti menyokong dan membantu perniagaan yang diusahakan oleh pihak koperasi dengan menjadi ahli, pelanggan dan pembeli.

Keenam: Peniaga, usahawan dan institusi perniagaan yang berjaya memperoleh keuntungan hendaklah menyempurnakan kewajipan berzakat di samping membantu dan berkongsi kejayaan dengan para usahawan yang lain.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Fattah Ya Razzaq! anugerahkan kami kesedaran dan kekuatan untuk menjadi seorang peniaga dan usahawan yang berjaya sehingga mampu mengangkat martabat ummah dan mengeluarkan ummah daripada belenggu kemiskinan. Limpahi rahmat dan keberkatan Mu ke atas para peniaga yang jujur, ikhlas lagi beramanah. Kurniai mereka keuntungan serta kejayaan di dunia – kejayaan di akhirat.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.